



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Lembaran Fakta

Kerugian Tuntutan Kebakaran

Perlindungan

Polisi ini melindungi anda daripada kerugian ke atas untung, perolehan, sewa, tanggungan tetap, upah atau gaji berdasarkan rekod gaji dan penambahan dalam kos kerja yang berpunca daripada gangguan perniagaan sebagai akibat kebakaran dan/atau lain-lain peril yang diperluaskan.

Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana perkara yang berikut:

- Kerugian Untung Kasar (perlindungan Dasar Perbezaan atau Dasar Tambahan)
- Kerugian Perolehan Kasar
- Kerugian Sewa Kasar
- Tanggungan Tetap sahaja
- Upah (Dwi Dasar atau 100% atau Prorata)
- Upah dan gaji berdasarkan rekod gaji
- Penambahan kos kerja sahaja

Sebagai tambahan, anda boleh menginsuranskan Bayaran Juruaudit sebagai perkara tambahan di bawah polisi ini.

Pengecualian Utama

- Kerugian oleh kejadian luar biasa yang timbul ketika gangguan berlaku
- Kerugian oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap rekonstruksi atau operasi perniagaan
- Kerugian akibat kekurangan kapital yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilang dengan segera
- Kerugian akibat kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana pihak berkuasa awam
- Kerugian yang berhubung dengan pengumuman yang tidak jujur atau palsu
- Kebakaran bawah tanah
- Perang, perang saudara dan mana-mana tindakan Keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

Kewajipan Pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

Sumbangan

Jika pada masa mana-mana kerugian atau kerosakan terhadap harta berlaku, terdapat mana-mana insurans lain yang masih berkuatkuasa atau insurans kepunyaan anda yang memberi perlindungan sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

Lebih

Merupakan jumlah yang harus ditanggung anda sendiri untuk setiap tuntutan.

Bayaran Premium

- Premium mesti dijelaskan dan diterima oleh pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya perlindungan ini; jika tidak, perlindungan ini akan dibatalkan secara automatik dan anda tetap bertanggungjawab untuk membayar premium berkadar untuk tempoh 60 hari.
- Anda dinasihatkan supaya membayar premium secara terus kepada pihak kami, sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek. Jika anda ingin membayar premium melalui pengantara insurans anda, sila pastikan cek anda hanya dibayar atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**.
- Pastikan untuk meminta resit bagi premium yang dibayar daripada pengantara insurans anda atau pihak kami.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

APA YANG ANDA PERLU TAHU Ketika Membuat Tuntutan

Pemberitahuan Tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika terlibat dalam kemalangan yang serius, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta merta.

Membuat Tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

Kewajiban Untuk Mendedahkan Informasi Tuntutan

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

BAGAIMANA CARA UNTUK MEMBUAT Aduan dan Saluran Penyelesaian Yang Tersedia



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.my

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.